

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1988/89

EBS 207 PERLOMBONGAN I

Tarikh: 29 Oktober 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengah hari

(3 jam)

ARAHAN KEPADA CALON

1. Sila pastikan bahawa kertas soalan ini mengandungi TIGA mukasurat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab LIMA soalan sahaja.
3. Semua soalan MESTILAH dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

1. Bincangkan dengan jelas istilah-istilah berikut:

- a) Tindak balas oksigen terimbang
- b) ANFO
- c) Pencarik
- d) Bahan ledakan tinggi
- e) Agen letupan kering

(100 markah)

2. a) Nyatakan tujuan letupan digunakan.

b) Bincangkan dengan jelas ciri-ciri bahan letupan. (100 markah)

3. Untuk mencapai hasil peletupan yang optimum, beberapa parameter yang berkaitan dengan kaedah peletupan mestilah dipatuhi. Nyata dan huraikan parameter-parameter bagi memperolehi hasil peletupan yang optimum.

(100 markah)

4. Beza dan huraikan dua kaedah penggerudian berikut:

- a) penggerudian putar
- b) penggerudian intan

Nyatakan dengan jelas perbezaan yang terdapat pada kedua-dua kaedah penggerudian tersebut.

(100 markah)

...3/-

5. a) Istilah lencongan (deflection) dan pesongan (deviation) membawa erti yang berlainan di dalam penggerudian. Jelaskan maksud kedua-dua istilah tersebut, dan beri cadangan anda untuk membaiki lencongan yang berlaku semasa melalukan penggerudian lubang gerudi.

b) Dengan menggunakan gambarajah, tunjukkan tatacara pemasangan komponen-komponen gerudi yang diperlukan semasa menjalankan penggerudian.

(100 markah)

6. a) Huraikan dengan jelas istilah-istilah berikut:

- i) akuifer
- ii) akuiklud
- iii) akuitard

b) Huraikan dengan jelas apa yang dimaksudkan dengan ketelapan dan keliangan, dan bincangkan kepentingan kedua-dua istilah tersebut di dalam saliran air tanah.

(100 markah)

7. Tunjuk dan terangkan dengan jelas bagaimana Ujian Turus Menurun (Falling Head Test) dapat digunakan untuk mengukur ketelapan di dalam tanah dan batuan. Gunakan gambarajah jika perlu.

(100 markah)